



**KERTAS PENILAIAN SEBUT HARGA UNTUK  
PERTIMBANGAN JAWATANKUASA MESYUARAT  
SEBUT HARGA A**

***VIRTUAL TRAINING FOR PRODUCTIVITY-LINKED WAGE  
SYSTEM IMPLEMENTATION  
(VT-PLWS)***

**OGOS – SEPTEMBER 2021**

**LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA****VIRTUAL TRAINING FOR PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM IMPLEMENTATION  
(VT – PLWS)****1. TUJUAN**

Laporan penilaian ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dari Jawatankuasa Penilaian Harga (Sebut Harga A) MPC bagi cadangan melantik pembekal untuk menjalankan perkhidmatan seperti di atas.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 *Productivity-Linked Wage System (PLWS)* adalah satu sistem yang mewujudkan hubungan yang lebih rapat di antara upah dan produktiviti bertujuan meningkatkan daya saing negara. Ianya akan memberi faedah kepada pekerja-pekerja dan majikan-majikan sama ada dalam sektor berkesatuan atau tidak berkesatuan di negara ini.
- 2.2 Selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Unit PLWS ingin menganjurkan satu program bimbingan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari lima (5) sektor utama iaitu pembinaan, pertanian, perlombongan, pembuatan dan perkhidmatan. Program bimbingan ini akan membantu PKS untuk melaksanakan PLWS serta mewujudkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi meningkatkan daya saing syarikat.
- 2.3 Program bimbingan ini akan melibatkan 20 syarikat PKS yang terpilih dan komited untuk menjalankan dan mengadaptasi pembangunan sistem PLWS. Program ini akan dilaksanakan selama dua (2) bulan yang melibatkan empat (4) fasa secara dalam talian.

**3. KAEDAH PENILAIAN**

- 3.1 Tawaran-tawaran telah dinilai daripada empat aspek iaitu spesifikasi am, spesifikasi keupayaan kewangan, spesifikasi teknikal dan spesifikasi harga perkhidmatan.
- 3.2 Penilaian spesifikasi am meliputi aspek profail syarikat dan pematuhan kepada dokumen sebut harga. Maklumat profil syarikat yang direkodkan adalah seperti berikut:
  - i) Jenis perniagaan
  - ii) Tempoh sah pendaftaran
  - iii) Bilangan kakitanganmanakala pematuhan kepada dokumen sebut harga disemak dari segi:
  - i) Borang sebut harga dan surat akuan pembida
  - ii) Lampiran A, B, C, D, E dan F di mana:

| LAMPIRAN | KETERANGAN                                                                                                      |
|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A        | Maklumat penyebut harga                                                                                         |
| B        | Butir-butir kerja/ perkhidmatan/ pembekalan yang telah dijalankan dalam tempoh tiga tahun yang lampau/ sekarang |
| C        | Senarai kakitangan syarikat                                                                                     |
| D        | Kemudahan pengangkutan                                                                                          |
| E        | Kemudahan bengkel/ stor                                                                                         |
| F        | Senarai semakan                                                                                                 |

3.3 Penilaian spesifikasi keupayaan kewangan seperti berikut:

- i) Modal perniagaan
- ii) Penyata Bulanan Akaun Syarikat (3 bulan)
- iii) Penyata Kewangan Syarikat

3.4 Bagi spesifikasi teknikal, penilaian dibuat meliputi pematuhan kepada spesifikasi perkhidmatan yang dikehendaki.

3.5 Di bawah spesifikasi harga perkhidmatan, penilaian dibuat meliputi maklumat harga terendah sehingga harga tertinggi tawaran.

#### 4. PENILAIAN TAWARAN

4.1 Matriks Skema Pemarkahan Mengikut Keutamaan bagi spesifikasi am, spesifikasi keupayaan kewangan, spesifikasi teknikal dan spesifikasi harga perkhidmatan. Butiran terperinci spesifikasi-spesifikasi ini seperti di bawah.

##### 4.2 Spesifikasi Am

Butiran terperinci maklumat spesifikasi am penyebut harga adalah seperti berikut:

| Bil. | Penyebut harga | Tempoh sah pendaftaran         | Bil kakitangan                                                       | Surat Akuan Penyebut Harga     | Lampiran A-F                   | Jumlah skor (/7) | Wajaran (10%) |
|------|----------------|--------------------------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|------------------|---------------|
| 1.   | 1/2            | 1<br>(20/12/2019 – 19/12/2022) | 2                                                                    | 1                              | 1                              | 5/7              | 7%            |
| 2.   | 2/2            | 1<br>(10/08/2018- 09/08/2021)  | 2                                                                    | 1                              | 1                              | 5/7              | 7%            |
|      |                | 1: sah<br>0: tidak sah         | 4: >15<br>3: 10-15 orang<br>2: 4-9 orang<br>1: 1-3 orang<br>0: tiada | 1: lengkap<br>0: tidak lengkap | 1: lengkap<br>0: tidak lengkap |                  |               |

**4.3 Spesifikasi Keupayaan Kewangan**

Butiran terperinci maklumat spesifikasi keupayaan kewangan penyebut harga adalah seperti berikut:

| Bil | Penyebut Harga | Modal Berbayar                                                                                                                 | Baki Akaun (Semasa)                                                                                    | Penyata Kewangan Syarikat              | Jumlah Skor (/9) | Wajaran (15%) |
|-----|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|------------------|---------------|
| 1.  | 1/2            | 1                                                                                                                              | 1                                                                                                      | 1                                      | 3/9              | 5%            |
| 2.  | 2/2            | 2                                                                                                                              | 2                                                                                                      | 1                                      | 5/9              | 8%            |
|     |                | 4: >RM 1 juta<br>3: RM 600,001<br>Hingga RM 1 juta<br>2: RM 300,001<br>hingga RM 600,000<br>1: <RM300,000<br>0: tiada maklumat | 4: >RM600,001<br>3: RM300,001<br>hingga RM600,000<br>2: RM100,001<br>hingga RM300,000<br>1: <RM100,000 | 1: Dikemukakan<br>0: Tidak dikemukakan |                  |               |

**4.4 Spesifikasi Teknikal**

Butiran terperinci maklumat spesifikasi teknikal penyebut harga adalah seperti berikut:

| Bil | Spesifikasi perkhidmatan yang dikehendaki                                       | Skala              | Penyebut Harga 1/2 | Penyebut Harga 2/2 |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| 1   | <b>Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Prestasi dan Pengenalan Kepada PLWS</b> | Ya= 1<br>Tidak = 0 |                    |                    |
|     | • Menerangkan Prestasi produktiviti Malaysia dan polisi buruh.                  |                    | 1                  | 1                  |
|     | • Menerangkan Model dan contoh PLWS                                             |                    | 1                  | 1                  |
|     | • Menganalisa Tahap Kerja dan Gred                                              |                    | 1                  | 1                  |
|     | • Menerangkan kaedah pemilihan Kompetensi                                       |                    | 1                  | 1                  |
|     | • Menyelaraskan kompetensi berdasarkan nilai korporat                           |                    | 1                  | 1                  |
| 2   | <b>Membangunkan Matrik Pengukuran KPI</b>                                       | Ya= 1<br>Tidak = 0 |                    |                    |
|     | • Menerangkan metodologi <i>Key Focus Area</i>                                  |                    | 0                  | 1                  |
|     | • Membangun objektif dan matrik prestasi mengikut jawatan                       |                    | 0                  | 1                  |
|     | • Menyemak dan memuktamadkan matrik prestasi mengikut jawatan                   |                    | 0                  | 1                  |

|   |                                                              |                    |      |       |
|---|--------------------------------------------------------------|--------------------|------|-------|
| 3 | Membangunkan Sasaran Prestasi dan Kompetensi Organisasi      | Ya= 1<br>Tidak = 0 |      |       |
|   | • Menerangkan penetapan sasaran                              |                    | 0    | 1     |
|   | • Menetapkan lingkungan sasaran                              |                    | 0    | 1     |
|   | • Menerangkan model empat (4) tahap tingkahlaku dan prestasi |                    | 0    | 1     |
|   | • Menyenaraikan prestasi dan kecekapan mengikut jawatan      |                    | 0    | 1     |
| 4 | Memuktamadkan Kaedah Pelaksanaan PLWS                        | Ya= 1<br>Tidak = 0 |      |       |
|   | • Mewujudkan kaedah dan kriteria perkongsian bonus           |                    | 1    | 1     |
|   | • Mewujudkan kaedah dan kriteria kenaikan gaji tahunan       |                    | 1    | 1     |
|   | • Membimbing pertimbangan kaedah ganjaran                    |                    | 1    | 1     |
|   | • Melaksanakan sistem pengurusan prestasi                    |                    | 1    | 1     |
|   | Jumlah skor (/16)                                            |                    | 9/16 | 16/16 |
|   | Wajaran (60%)                                                |                    | 34%  | 60%   |

#### 4.5 Spesifikasi Harga Perkhidmatan

Matriks Skema Pemarkahan mengikut keutamaan bagi spesifikasi harga perkhidmatan adalah seperti berikut:

| Bil | Penyebut Harga | Harga Yang Ditawarkan (tempoh termasuk SST 6%) | Peratusan Dari Harga Terendah | Markah | Wajaran (15%) |
|-----|----------------|------------------------------------------------|-------------------------------|--------|---------------|
| 1.  | 1/2            | RM 63,168.00                                   | 0 %                           | 7      | 15            |
| 2.  | 2/2            | RM 116,600.00                                  | 85 %                          | 2      | 4             |

#### Markah

|   |                                    |
|---|------------------------------------|
| 7 | 0 Harga Terendah                   |
| 6 | 1-10 peratus dari harga terendah   |
| 5 | >10-25 peratus dari harga terendah |
| 4 | >25-50 peratus dari harga terendah |
| 3 | >50-80 peratus dari harga terendah |
| 2 | >80 peratus dari harga terendah    |
| 1 | >100 peratus dari harga terendah   |

#### 4.6 Ringkasan markah wajaran adalah seperti berikut:

| Bil. | PENYEBUT HARGA | SPESIFIKASI AM | SPESIFIKASI KEUPAYAAN KEWANGAN | SPESIFIKASI TEKNIKAL | SPESIFIKASI HARGA PERKHIDMATAN | JUMLAH MARKAH | KEDUDUKAN |
|------|----------------|----------------|--------------------------------|----------------------|--------------------------------|---------------|-----------|
|      |                | WAJARAN        |                                |                      |                                |               |           |
|      |                | 10%            | 15%                            | 60%                  | 15%                            | 100%          |           |
| 1    | 1/2            | 7              | 5                              | 34                   | 15                             | 61            | 2         |
| 2    | 2/2            | 7              | 8                              | 60                   | 4                              | 79            | 1         |

- 4.6.1** Penyebut harga 2/2 merekodkan jumlah markah wajaran tertinggi sebanyak 79% diikuti dengan penyebut harga kedua tertinggi iaitu 1/2 sebanyak 61%.
- 4.6.2** Bagi spesifikasi am, kedua-dua merekodkan wajaran yang sama iaitu 7 % kerana mempunyai kurang daripada 9 orang pekerja.
- 4.6.3** Bagi spesifikasi kewangan, penyebut harga 2/2 mendapat markah tertinggi berbanding penyebut harga 1/2 kerana mempunyai modal berbayar tertinggi sebanyak RM 500,000.00 dan baki akaun tertinggi melebihi RM 200,000.00.
- 4.6.4** Bagi spesifikasi teknikal penyebut harga 2/2 memperolehi wajaran penuh 60% kerana memenuhi kesemua perkhidmatan yang diperlukan.
- 4.6.5** Bagi spesifikasi harga perkhidmatan pula penyebut harga 1/2 memperolehi markah penuh sebanyak 15% kerana menawarkan harga yang terendah berbanding penyebut harga 2/2. Penyebut harga 2/2 menawarkan harga yang tinggi iaitu RM 116,600.00 dan melebihi anggaran yang telah diluluskan dalam Kertas BOM.

**\*\*Maklumat-maklumat lain sekiranya berkaitan:**

#### 5. PENGALAMAN

| Penyebut Harga | Pengalaman Syarikat dalam Tempoh 3 Tahun yang Lampau / Sekarang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1/2            | Tiada Pengalaman                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 2/2            | <p>a) Perkhidmatan <i>Performance Management Development</i> (KPI)<br/>Organisasi: Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak</p> <p>b) Perkhidmatan Moderator eSPO Platform (Masih Berjalan)<br/>Organisasi: Perbadanan Produktiviti Malaysia</p> <p>c) Perkhidmatan Maklumat &amp; Data Projek eSPO (Masih berjalan)<br/>Organisasi: Perbadanan Produktiviti Malaysia</p> <p>d) Perkhidmatan <i>Performance Metric</i> dan <i>Target Setting Knowledge Enhancement</i></p> |

|  |                                                                                                                                                                                                                                                     |
|--|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <p>Organisasi: HPI Resources Berhad</p> <p>e) <i>Human Capital Performance Management Initiative</i><br/>Syarikat: HPI Resources Berhad</p> <p>f) <i>Human Capital Performance Management Initiative</i><br/>Organisasi: Sawit Kinabalu Sdn Bhd</p> |
|--|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## 6. JUSTIFIKASI

- 6.1 Penyebut harga 2/2 mendapat skor keseluruhan iaitu 79% berbanding dengan Penyebut harga 1/2 dengan skor keseluruhan 46%.
- 6.2 Penyebut harga 2/2 adalah memenuhi spesifikasi teknikal yang diperlukan iaitu mempunyai latar belakang sebagai tenaga pengajar bagi subjek PLWS.
- 6.3 Selain itu, penyebut harga 2/2 juga berpengalaman luas dalam memberikan perkhidmatan latihan secara dalam talian dan mempunyai sistem khusus untuk Penunjuk Prestasi Utama.
- 6.4 Penyebut harga 2/2 mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.
- 6.5 Penyebut harga 2/2 mempunyai perisian khas iaitu *KPI Development System* yang akan digunakan untuk membimbing syarikat dalam melaksanakan sistem PLWS.

## 7. SYOR


- 7.1 Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut harga 2/2 ditawarkan sebagai pembekal untuk perkhidmatan Virtual Training PLWS Implementation (VT-PLWS).

Disediakan oleh:




.....  
Nur Munirah Mustaffa Kamal  
Penolong Pengurus  
PLWS/PCD  
Tarikh: 5 Julai 2021

Disahkan oleh:



.....  
Sugumar Saminathan  
Pengarah  
PLWS/PCD  
Tarikh: 5 Julai 2021

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

|                                                                                   |                                                                                   |                                                                                     |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| Disyorkan:                                                                        | Disyorkan:                                                                        | Disyorkan:                                                                          |
|  |  |  |
| Nama: Puan Mazuin Dahlan<br><br>Pengerusi JPH<br>Tarikh: 5 Julai 2021             | Nama: Encik Izzul Ikhwan Ishak<br><br>Ahli JPH 1<br>Tarikh: 5 Julai 2021          | Nama: Puan Ilyana Norsaidah Ab. Rahman<br><br>Ahli JPH 2<br>Tarikh: 5 Julai 2021    |
| Komen/ cadangan:<br><br>Disyorkan                                                 | Komen/ cadangan:<br><br>Disyorkan                                                 | Komen/ cadangan:<br><br>Disyorkan                                                   |